



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**GARIS PANDUAN
PEMBUKAAN SEMULA PRASEKOLAH**

KANDUNGAN

| Bil. | Perkara | Muka Surat |
|-------------|--|-----------------------|
| 1. | Tujuan | 3 |
| 2. | Peranan dan Tanggungjawab | |
| | 2.1 Pentadbir | 3 |
| | 2.2 Guru dan Pembantu Pengurusan Murid | 4 |
| | 2.3 Ibu bapa / Penjaga | 5 |
| 3. | Pelaksanaan | |
| | 3.1 Pengoperasian Prasekolah | 6 |
| | 3.2 Waktu Tiba dan Pulang | 6 |
| | 3.3 Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Prasekolah | 7 |

1. Tujuan

- 1.1** Garis Panduan Pembukaan Semula Prasekolah ini disediakan sebagai rujukan dan panduan kepada prasekolah / tabika / tadika kerajaan dan swasta.
- 1.2** Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (rujukan Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2020 bertarikh 4 Jun 2020), surat pekeliling ikhtisas, surat siaran dan arahan serta peraturan berkaitan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa.

2. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

2.1 Pentadbir

Pentadbir perlu mengambil tindakan seperti yang berikut:

- 2.1.1 Memberikan penerangan kepada ibu bapa / penjaga tentang norma baharu yang perlu dipatuhi.
- 2.1.2 Memastikan kemudahan untuk mencuci tangan dan pengimbas suhu disediakan di kelas prasekolah / tabika / tadika.
- 2.1.3 Memastikan bilik pengajaran dan pembelajaran (PdP) dibersihkan sebelum sesi persekolahan bermula dan pada setiap hari selepas sesi persekolahan tamat.
- 2.1.4 Memastikan fokus utama pembersihan pada permukaan yang sentiasa disentuh dan pada ketinggian yang boleh dicapai dengan tangan seperti tombol pintu, suis lampu, kepala paip, pengepam tandas, pelapik duduk tandas dan

susur tangan bagi prasekolah / tabika / tadika yang mempunyai Murid Berkeperluan Khas (MBK).

2.1.5 Memastikan guru dan Pembantu Pengurusan Murid (PPM) membuat persediaan sebelum pembukaan semula kelas, iaitu:

- a. menentukan kedudukan murid dengan mematuhi penjarakan sosial;
- b. membersihkan kelas, bahan dan peralatan; dan
- c. memastikan tiada penggunaan permaidani, tikar dan *skirting* meja.

2.1.6 Menyediakan bilik kesihatan / bilik sakit yang dijadikan sebagai bilik isolasi untuk menempatkan murid yang didapati bergejala sebelum dibawa oleh ibu bapa / penjaga untuk rawatan.

2.2 Guru dan Pembantu Pengurusan Murid

Guru dan Pembantu Pengurusan Murid perlu mengambil tindakan seperti yang berikut:

2.2.1 Memakai pelitup muka semasa bersama-sama dengan murid.

2.2.2 Memastikan *gate keeping* dijalankan bagi memeriksa suhu badan dan membuat saringan gejala. Ibu bapa / penjaga dan murid yang bergejala tidak dibenarkan memasuki kawasan prasekolah.

2.2.3 Memastikan ibu bapa / penjaga tidak memasuki kelas prasekolah / tabika / tadika.

2.2.4 Mencuci tangan dengan air dan sabun atau pensanitasi tangan (*hand sanitizer*) sebelum serta selepas aktiviti PdP.

- 2.2.5 Memastikan murid mencuci tangan sebelum dan selepas aktiviti PdP.
- 2.2.6 Memastikan aktiviti berkumpulan atau aktiviti yang melibatkan sentuhan tidak dilaksanakan.
- 2.2.7 Memastikan murid tidak berkongsi bahan dan peralatan.
- 2.2.8 Membersihkan (disinfeksi) bahan dan peralatan selepas digunakan.
- 2.2.9 Menghidangkan makanan di tempat yang disediakan.

2.3 Ibu Bapa / Penjaga

Ibu bapa / penjaga perlu mengambil tindakan seperti yang berikut:

- 2.3.1 Memastikan anak / anak jagaan berada dalam keadaan sihat sebelum hadir ke prasekolah / tabika / tadika. Anak / anak jagaan yang tidak sihat tidak dibenarkan hadir.
- 2.3.2 Memastikan anak / anak jagaan menjaga kebersihan diri.
- 2.3.3 Menghantar dan mengambil anak / anak jagaan mengikut waktu yang ditentukan.
- 2.3.4 Menggalakkan anak / anak jagaan memakai pelitup muka. Anak / anak jagaan berimuniti badan yang rendah mesti sentiasa memakai pelitup muka manakala anak / anak jagaan yang tidak boleh mengurus pemakaian pelitup muka tidak perlu memakainya.
- 2.3.5 Mematuhi tatacara pelawat masuk ke premis prasekolah / tabika / tadika semasa menghantar dan mengambil anak / anak jagaan.
- 2.3.6 Memastikan anak / anak jagaan tidak membawa beg sekolah dan bekalan makanan / minuman (pengecualian diberikan kepada anak / anak jagaan yang memerlukan

makanan khas dengan kebenaran pihak pentadbir sekolah).

3. Pelaksanaan

3.1 Pengoperasian prasekolah

3.1.1 Tempoh masa operasi adalah seperti yang ditetapkan dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017). Kehadiran murid ke prasekolah / tabika / tadika semasa pembukaan semula bergantung kepada kapasiti bilik darjah dengan mengambil kira penjarakan sosial.

3.1.2 Ibu bapa / penjaga digalakkan untuk menghantar anak mereka ke prasekolah / tabika / tadika bagi memastikan murid dapat menguasai pengetahuan dan kemahiran asas sebagai persediaan untuk pembelajaran seterusnya.

3.2 Waktu tiba dan pulang

3.2.1 Waktu Tiba

Perkara yang perlu dilakukan apabila murid tiba di sekolah adalah seperti yang berikut:

- a. Guru / PPM merekodkan suhu badan murid di hadapan ibu bapa / penjaga sebelum masuk ke kelas. Jika suhu badan murid mencecah 37.5°C dan ke atas, ibu bapa / penjaga perlu membawa pulang anak / anak jagaan untuk mendapat rawatan.

- b. Murid mesti mencuci tangan sebaik tiba di kelas.
- c. Murid duduk di tempat yang telah ditetapkan.
- d. Murid bersarapan dan melakukan aktiviti di tempat masing-masing.
- e. Guru / PPM memastikan tiada percampuran antara satu kumpulan dengan kumpulan yang lain.

3.2.2 Waktu Pulang

Perkara yang perlu dilakukan apabila murid pulang dari sekolah adalah seperti yang berikut:

- a. Guru memberikan pesanan dan bahan tugasan dengan kaedah yang selamat kepada ibu bapa / penjaga tentang aktiviti pembelajaran di rumah.
- b. Ibu bapa / penjaga digalakkan membawa anak / anak jagaan terus pulang ke rumah selepas sesi persekolahan.

3.3 Pengajaran dan pembelajaran (PdP) prasekolah

Pelaksanaan PdP dilaksanakan berdasarkan aktiviti yang terkandung dalam KSPK dengan memberikan penekanan kepada aspek keselamatan dan kesihatan. Guru / PPM perlu memastikan perkara berikut dipatuhi:

3.3.1 Perbualan awal

- a. Murid berada di tempat duduk masing-masing semasa perbualan awal.
- b. Murid dididik tentang amalan keselamatan dan kesihatan diri semasa berada di kelas dan di rumah.

3.3.2 Rehat

- a. Murid mengamalkan penjarakan sosial semasa mencuci tangan.
- b. Murid makan di tempat masing-masing.
- c. Murid tidak dibenarkan berkongsi makanan dan peralatan makan minum seperti sudu, cawan dan sebagainya.
- d. Murid membersihkan meja masing-masing sebelum dan selepas makan.

3.3.3 Aktiviti PdP

- a. Pelibatan pihak luar dalam PdP secara bersemuka tidak dibenarkan.
- b. Murid mesti mencuci tangan sebelum dan selepas menjalankan aktiviti.
- c. Bagi penggunaan pusat pembelajaran, guru perlu:
 - i. mengehadkan bahan dan peralatan;
 - ii. mengehadkan satu (1) hingga dua (2) orang murid dengan mengambil kira penjarakan sosial dalam satu masa yang sama; dan
 - iii. memastikan bahan dan peralatan disinfeksi sebelum dan selepas digunakan.
- d. Aktiviti PdP luar bilik darjah hanya boleh dilaksanakan di persekitaran bilik darjah dengan mengamalkan penjarakan sosial.
- e. Penggunaan kemudahan dan alat permainan luar tidak dibenarkan.
- f. Lawatan sambil belajar dalam / luar kawasan prasekolah / tabika / tadika tidak dibenarkan.

3.3.4 Aktiviti Penutup

- a. Guru dan murid berkongsi pengalaman pembelajaran pada hari tersebut dengan memberikan penekanan tentang aspek keselamatan dan kesihatan.
- b. Guru memberikan pesanan tentang amalan kebersihan dan aktiviti pembelajaran di rumah.

- TAMAT -